

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**REKA BENTUK APLIKASI  
MORFOLOGI ARAB  
MENGUNAKAN ANIMASI  
INTERAKTIF**

**BASHASUNNAHAR BIN PUASA**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan Ijazah  
**Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan**

**Akademi Pengajian Bahasa**


September 2015

## PENGAKUAN PENULIS

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah dilaksanakan sesuai dengan peraturan-peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asal dan adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang telah saya nyatakan dengan jelas sumbernya. Tesis ini belum diserahkan kepada mana-mana institusi akademik lain atau institusi bukan akademik bagi apa-apa ijazah atau kelulusan .

Saya, dengan ini juga, mengakui bahawa saya telah dibekalkan dengan Syarat dan Peraturan Akademik untuk Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sebagai panduan kajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Bashasunnahar Bin Puasa  
No Pengenalan Pelajar : 2010715745  
Program : Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan  
Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa  
Tajuk Tesis : Reka Bentuk Aplikasi Morfologi Arab  
Menggunakan Animasi Interaktif

Tandatangan Pelajar :  .....

Tarikh : September 2015

## ABSTRAK

Pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa asing/kedua sudah lama mendapat perhatian di Malaysia khususnya di negeri Selangor di dalam sektor pendidikan Islam. Pelbagai kajian telah dijalankan oleh para pengkaji dan mereka mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar negeri Selangor khususnya masih belum berada pada tahap yang amat memuaskan. Jika diperhatikan, banyak faktor yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut termasuklah kelemahan dalam amalan pedagogi, penggunaan alat/bahan bantu mengajar (BBM) dan kegagalan memanfaatkan perkembangan teknologi semasa. Kajian ini bertujuan mereka membina sebuah aplikasi prototaip dengan menggunakan animasi interaktif untuk subjek morfologi Arab tingkatan 4 Kurikulum alAzhar (KA) di Sekolah Agama Menengah Jabatan Agama Islam Selangor (SAM JAIS), Maahad Tahfiz Integrasi Teknologi dan Sains (MITS) di negeri Selangor. Aplikasi ini akan mengetengahkan penggunaan animasi interaktif melalui persembahan animasi teks dan grafik serta audio dengan beberapa teknik dan kesan animasi 2D, manakala penggunaan elemen interaktif pula membolehkan pengguna menggunakan aplikasi dengan mudah dan menarik. Proses pembangunan aplikasi ini adalah berdasarkan model reka bentuk instruksi William Horton, ianya dipilih sebagai panduan aliran kerja. 4 peringkat pembangunan model berdasarkan model William Horton, iaitu analisis, reka bentuk, bina dan penilaian. Manakala dapatan kajian menunjukkan penghasilan satu prototaip aplikasi morfologi Arab berasaskan animasi interaktif dalam bentuk cekera padat telah dibina dan dapatan juga menunjukkan bahawa pembelajaran morfologi Arab menggunakan animasi interaktif adalah berkesan dan baik. Pada akhirnya beberapa cadangan turut diberikan kepada pihak yang berkaitan untuk meningkatkan kualiti PdP bahasa Arab.

## ABSTRACT

Teaching of Arabic as a foreign / second language has been getting attention in Malaysia, particularly in the state of Selangor under the Islamic Education sector. Several researches have been conducted by researchers upon which they concluded that the level of Arabic proficiency among the students in Selangor is yet to reach satisfactory level. There are many factors that make the most out of technological advances. This study is intended to build a prototype application using interactive animation in the Arabic morphology subject for students in form four under the Al-Azhar curriculum. This Al -Azhar curriculum is currently being used at Sekolah Agama Menengah Jabatan Agama Islam Selangor (SAM JAIS) and Maahad Tahfiz Integrasi Teknologi dan Sains (MITS) in the state of Selangor. This Application, among others, will feature interactive animation through text and graphic animation presentation as well as audio with some 2D animation techniques and effect. The interactive element of the application will make it easy to use and interesting. The process of developing this application is based on William Horton's instructional design. There are four levels of model development according to William Horton's: analysis, design, build and assessment. The research findings will show a prototype application in Arabic morphology based on interactive animation in compact disc form being produced, and the findings will also prove the Arabic morphology learning through interactive animation is more effective. Towards the end of the research some suggestions are also being put forward to the relevant authorities pertaining to the improvement of the quality of teaching and learning of Arabic.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah subhanahu wataala, dengan rahmat dan bantuan dariNya maka saya dapat menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Titipan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Prof Madya Dr. Janudin Sardi dan penyelia kedua saya, Prof Madya Dr. Naimah Abdullah di atas segala pertolongan, tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan sepanjang saya di bawah seliaan mereka. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA di atas segala bantuan dan pertolongan yang telah diberikan.

Di samping itu juga, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pengetua-pengetua Maahad Tahfiz Integrasi Teknologi dan Sains, Klang dan Jugra; SAM Tinggi Hisamuddin, Klang dan SAM Bestari, Subang Jaya kerana telah memberikan kerjasama yang begitu baik sepanjang saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan.

Tidak lupa juga, penghargaan ini ditujukan khas buat isteri, Hana binti Abdul Shukur, anak-anak, Naufal Hakim dan Afa Hamra, ibu mertua Nazian binti Mohd Salleh, bapa mertua Abdul Shukur bin Idris dan seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberi kata semangat dan inspirasi sepanjang menyiapkan kajian ini. Akhirnya, kepada semua pihak yang terlibat secara lansung dan tidak langsung dalam membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan, semoga Allah subhanu wataala membalas segala jasa kalian dengan ganjaran yang setimpal.